

Title : Tokoh Tokoh Utama yang Memberi Sumbangan dalam Bidang
Sosiologi

Author(s) : Nor Haslina binti Yudistira

Institution : University Of Malaysian Terengganu

Category : Article, Competition

Topics : Sociology, History

TOKOH TOKOH UTAMA YANG MEMBERI SUMBANGAN DALAM
BIDANG SOSIOLOGI

Nor Haslina binti Yudistira

Student university Malaysia Terengganu, (nhyudistira@gmail.com)

Abstrak: Terdapat ramai tokoh islam dan tokoh barat yang telah memperkembangkan pemikiran sosiologi seperti Auguste comte, Herbert Spencer, Emile Durkheim, Max Weber dan Ibnu Khaldun. Setiap tokoh ini mengembangkan pemikiran dengan cara yang tersendiri dan mempunyai pelbagai peringkat.

Keywords: Auguste comte, Herbert Spencer, Emile Durkheim, Max Weber, sosiologi

Pengenalan

Penulis Barat biasanya merujuk tokoh-tokoh yang hidup dalam kurun ke 19 dan ke 20 sebagai bapa yang melahirkan sosiologi dan antropologi moden. Antara nama yang sering disebut sebagai bapa pengasas sosiologi ialah Auguste Conte, Herben Spencer, Emile Durheim, Max Weber dan Karl Max. Sebaliknya tidak ramai antara penulis barat yang mahu mengakui sumbangan yang telah diberikan oleh para sarjana Islam terhadap kewujudan ilmu sosiologi dan antropologi. Antara sarjana Islam yang memberikan sumbangan dalam disiplin sosiologi yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah Ibnu Khaldun,

AUGUSTE COMTE (1798-1857)

Auguste Comte dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas penemuan bidang sosiologi yang memulakan istilah sociology, Beliau juga dikenali sebagai *The Father of Sociology*. Comte dilahirkan di selatan Perancis dan mendapat pendidikan di sekolah elit di Paris. Beliau lebih menumpukan dan menjuruskan bidang pengajiannya dalam matematik dan sains natural.

Comte lebih dikenali sebagai bapa sosiologi kerana sumbangannya dalam bukunya *Cours de Philosophie Positive*. Beliau berpendapat bahawa sejarah manusia adalah dengan mengikut satu susunan yang mematuhi hukuman tertentu. Evolusi masyarakat akan disertai dengan kemajuan yang mewujudkan perkembangan iaitu perkembangan intelek. Comte juga terkenal kerana hukum *Law of Human Progress* yang diperkenalkannya. Beliau telah menyatakan tiga peringkat perkembangan teori yang berturut-turut, iaitu;

1. Peringkat keagamaan atau teologi “theological”
2. Peringkat metafizika atau abstrak
3. Peringkat saintifik atau positif

Peringkat Teologi

Pada masa ini, semua peristiwa yang berlaku diterangkan melalui kejadian “supernatural”. Benda semula jadi diberikan taraf kemanusiaan dan keperibadian oleh manusia primitif. Mereka beranggapan benda semula jadi mempunyai daya kemahuan dan kesedaran dan mungkin juga disertai oleh semangat. Menurut Comte, manusia bergantung pada pemikirannya dalam memahami dan memberikan erti kepada peristiwa dan persekitaran yang didudukinya.

Peringkat Metafizika

Peringkat ini tidak jauh berbeza daripada peringkat pertama kecuali dewa dan semangat yang bersifat perseorangan yang telah membawa kepada kepercayaan terhadap semangat yang abstrak seperti zat dan kuasa.

Peringkat Saintifik

Pada fasa ini, manusia memperhatikan alam secara objektif dan tenang dalam percubaan mencari hukum kewujudan bersama-sama dan berturut-turut. Menurut Comte lagi seperti dalam bidang sains tulen, sosiologi juga boleh menggunakan kaedah sains untuk menerangkan dan memahami *The Law of Progress* dan *The Social Order*. Contohnya, hujan tidak turun kecuali apabila awan mendung berkumpul di langit, maka boleh kita katakan ada dua perkara yang telah wujud bersama-sama. Seperti kata Comte, kita tidak peduli mengapa hujan turun atau orang ramai berkumpul kecuali setakat melihat keadaan yang sama dan tetap, iaitu apabila hujan turun tentulah ada awan di langit yang berkumpul dahulu sebelum hujan itu turun.

Comte juga berpendapat bahawa masyarakat bolehlah dianggap sebagai satu bentuk organisma seperti pokok dan binatang. Masyarakat mempunyai satu bentuk struktur yang mengandungi bahagian-bahagian yang bersangkutan dan berkembang daripada bentuk yang mudah kepada bentuk yang kompleks melalui satu proses yang disebut evolusi. Dengan menggunakan model organik sebagai landasan, Comte juga berpendapat seharusnya memberikan penumpuan terhadap sosial statik (struktur organisma dan sosial dinamisme (proses dan bentuk perubahan organisma)).

Jadi, persoalan utama sosiologi ialah dua perkataan di atas. Statik melibatkan penyelidikan tentang undang-undang, tindakan dan saling tindakan berbagai-bagai

bahagian sistem sosial daripada pergerakan yang penting yang sentiasa mengubahsuaikannya. Dinamik sosial ialah bahagian lebih penting dalam kaedah sejarah. Undang-undang Tiga Peringkat ialah bahagian yang penting dalam dinamik sosial bagi perkembangan kemajuan intelek . Pemikiran manusia mengalami beberapa peringkat penting yang dikatakan oleh Comte sebagai peringkat teologi , metafizika dan positif. Dalam peringkat teologi atau samaran, semua perkara dikatakan bersebab daripada kesakitan. Dalam peringkat metafizika, semua perkara diterangkan berdasarkan kuasa abstrak yang bebas mengikut kehendak sendiri. Dalam peringkat yang ketiga, manusia tidak hanya mementingkan sebab-sebab yang muktamad, tetapi juga cuba mencari fakta . Ini merupakan peringkat positif atau saintifik . Fungsi utama falsafah positif Comte adalah untuk mempercepat berakhirnya kedu-dua peringkat yang pertama di atas, supaya manusia dapat menilai kemungkinan peringkat positif atau saintifik. Sumbangan utama Comte terdapat daripada kejayaannya menghasilkan satu sintesis saintifik pada masa itu.

Comte juga telah cuba membuktikan adanya satu lagi perkembangan masyarakat manusia yang sejajar, daripada peringkat yang boleh digelar ketenteraan kepada peringkat yang disebutnya peringkat undang-undang dan kemudiannya kepada peringkat perindustrian. Beliau menghujah bahawa ketenteraan perlu bagi perkembangan kelompok-kelompok sosial yang primitif. Pada peringkat ini, peperangan lebih bersifat mempertahankan diri, dan peraturan dalam masyarakat lebih bergantung pada undang-undang dan perkembangan daripada bergantung pada kekerasan dan ketakutan. Hubungan-hubungan peringkat ini dengan peringkat metafizika atau peringkat abstrak mudah dilihat.

Comte percaya bahawa kestabilan dalam masyarakat dan perdamaian luar boleh dicapai , semua orang boleh mewah malah satu dunia baharu boleh dibina , jika semangat yang positif dapat meresapi segala-galanya dan ahli-ahli sains dapat berkuasa. Bagi Comte, sains adalah termasuk sosiologi yang dianggapnya sebagai kemuncak intelek. Rancangan Comte itu adalah hasil daripada *The Enlightenment*, tetapi juga hasil daripada rasa takut dan tidak selamat daripada Revolusi dan Peperangan Napoleon. Ia merupakan suatu rancangan bagi perkembangan sosial cara saintifik dan telah mempengaruhi sebilangan besar manusia. Dari segi ini dakwaan Comte bahawa beliau telah menaja ilmu sosiologi bolehlah dikatakan ada benarnya.

Di samping itu, Comte juga telah menghasilkan konsep organism dan membuat analogi dengan struktur masyarakat. Beliau menyatakan masyarakat sebagai

satu organisma seperti juga tanaman dan binatang iaitu, masyarakat mempunyai struktur dan mengandungi bahagian yang berkaitan atau perhubungan dan ia bergerak daripada keadaan biasa kepada yang kompleks. Comte juga mengkaji masyarakat dengan pendekatan rasional dan saintifik, iaitu bersifat positif.

HERBERT SPENCER (1820-1903)

Beliau dilahirkan di England dan menerima pendidikan dalam bidang matematik dan sains semula jadi, namun beliau amat berminat dalam bidang sains sosial. Spencer juga banyak melibatkan diri dalam bidang penulisan. Antara hasil karya adalah seperti *Social Statics* (1850), *The Study of Sociology* (1873) dan *Descriptive Sociology* (1874).

Spencer telah membuat kajian tentang tingkat super organic, iaitu tingkat kehidupan manusia dan kajian pendekatan-pendekatan sosiologi ke atas biologi, psikologi, sejarah dan akhlak. Dia mempercayai bahawa sesuatu masyarakat boleh dibandingkan dengan sesuatu organisma yang boleh berjalan dengan sendiri. Mengikut pandangan spencer, setiap bahagian dalam masyarakat memainkan peranannya sendiri dan menyumbangkan tenaga kepada kehidupan serta kestabilan sosial sesuatu masyarakat. Beliau telah menghasilkan konsep survival of fittest dan mempercayai bahawa masyarakat manusia berkisar mengikut Principle of Natural Laws. Menerusi pemilihan natural ini, golongan yang lemah akan terkeluar dan cuma mereka yang kuat akan kekal. Pada pendapatnya, kerajaan tidak sepatutnya membantu golongan yang lemah itu dan akan terus membiarkan golongan yang kuat untuk memajukan diri mereka dan juga masyarakat. Hal ini demikian kerana, jika kerajaan tidak campur tangan dalam kerja-kerja sesuatu masyarakat, masyarakat itu dengan sendirinya akan berusaha untuk menaikkan taraf sosial mereka. Secara tidak langsung, jika dilihat melalui teori yang diberikannya ini, daripada segala usaha yang dilakukan oleh mereka yang kuat ini akan turut juga membangunkan ekonomi sesebuah negara.

Menurut Spencer lagi, terdapat beberapa sistem yang wujud dalam evolusi masyarakat, iaitu sistem penahan, pengatur serta sistem pembahagi. Sistem penahan berfungsi untuk mencukupkan keperluan bagi kehidupan masyarakat seterusnya. Sistem pengatur serta sistem pembahagi. Sistem penahan berfungsi untuk mencukupkan keperluan bagi kehidupan masyarakat seterusnya. Sistem pengatur pula, peranannya memelihara hubungan luar negara. Sementara itu, sistem pembahagi dapat dilihat wujud ketika proses evolusi yang semakin maju. Oleh itu, ketiga-tiga sistem ini jelas dapat memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan

sesebuah negara. Misalnya, sistem pengatur dapat dilihat dalam diri pemimpin dalam bidang politik, ketenteraan dan juga agama. Sistem penahan pula dapat dilihat dengan usaha menambahkan pengeluaran makanan kepada penduduk sesebuah negara itu. Dalam sistem pembahagi pula, dapat dilihat fungsinya dalam sektor perdagangan sesebuah negara itu terbahagi kepada perdagangan dalam negara serta perdagangan luar negara. Tidak dapat dinafikan bahawa Spencer memiliki pengaruh yang besar terhadap perkembangan evolusi dalam abad ke 19 dan kebanyakan ahli sosiologi dunia seterusnya tidak terlepas daripada mengikuti fahaman evolusinya.

Prinsip yang dikemukakan olehnya, iaitu *Survival of the Fittest* menerangkan bahawa satu proses semula jadi berlaku ke atas organisma yang membolehkan mereka terus hidup dan membiak, begitu juga apa yang akan berlaku kepada masyarakat akan disesuaikan kepada persekitaran dan mereka akan bersaing untuk terus hidup dan maju ke depan. Sesiapa yang gagal dalam menangani atau mengadaptasikan diri terhadap perubahan persekitaran sudah tentu tidak akan dapat bersaing untuk terus hidup dan akan menghadapi pelbagai masalah dan akhirnya akan mati dan terus pupus.

Ideologi evolusi Spencer selari dengan yang dibuat oleh Darwin dalam evolusi organisma dalam biologi. Spencer percaya bahawa masyarakat akan berubah daripada masyarakat yang “homogenus dan simple” kepada masyarakat yang “heterogenity” (pelbagai) dan kompleks. Selaras dengan kemajuan sesebuah masyarakat mereka akan berubah menjadi sebuah masyarakat yang kompleks dan berbeza. Spencer melihat masyarakat bukan sebagai satu kelompok individu tetapi sebagai satu organisma yang hidup dan mempunyai keperluan hidup mereka masing-masing. Sehubungan dengan itu, Spencer turut menyatakan konflik dan perubahan perlu dalam sesuatu proses evolusi.

EMILE DURKHEIM (1858-1917)

Durkheim merupakan seorang penulis yang agak radikal dari Perancis. Beliau juga merupakan salah seorang ahli sosiologi yang meletakkan dasar-dasar sosiologi moden. Dia banyak menulis tentang cara sosiologi, pengetahuan dan sosiologi agama, pembahagian kerja dan bunuh diri, pendidikan dan moral. Antara hasil karyanya yang terkenal ialah *The Division of Labour In Society*, *Rules of Sociological Method*, *Suicide* dan *The Elementary Forms of Religious Life*.

Durkheim merupakan pelopor kepada kaedah-kaedah sosiologi menerusi kajian yang sistematik dan beliau telah menggunakan statistik untuk membuktikan

hipotesis, Kaedah penyelidikan yang diciptanya telah menjadi panduan asas kepada ahli-ahli sosiologi moden dalam membuat penyelidikan hingga ke masa sekarang.

Dia juga memberikan perhatian tentang cara individu dalam masyarakat dihubungkan antara satu sama lain oleh minat sikap yang sama. Teori fungsional boleh dikaitkan dengan idea Durkheim dalam bukunya *The Division of Labour in Society*. Dia berpendapat bahawa dalam semua masyarakat terdapat beberapa aktiviti yang dianggap lebih penting daripada aktiviti lain, dengan bertujuan untuk mencapai pembangunan. Menerusi buku ini juga, beliau memberikan satu reaksi terhadap pandangannya bahawa masyarakat industrial moden cukup didasarkan pada perjanjian kontrak antara individu yang didorong oleh kepentingan diri sendiri tanpa didahului oleh kesepakatan. Sehubungan dengan itu, beliau memperkenalkan konsep *organic solidarity* dan *mechanical solidarity*. *Organic solidarity* membawa maksud hubungan sosial dalam masyarakat perindustrian berdasarkan saling pergantungan antara individu yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengkhususan.

Mechanical solidarity pula membawa maksud bentuk hubungan sosial dalam masyarakat praindustri yang kecil berdasarkan persepsi bahawa individu di dalamnya adalah sama dan akan hidup bersama. Oleh itu, Durkheim banyak memberikan perhatian tentang cara individu dalam masyarakat dihubungkan antara satu dengan lain oleh minat dan sikap yang sama. Beliau juga bahawa masyarakat dilambangkan oleh perpaduan dan persefahaman mereka.

Seterusnya, Durkheim berpendapat bahawa sesuatu kejadian atau peristiwa itu berlaku mengikut satu prinsip sama seperti dalam bidang muzik, kimia, biologi dan astronomi. Baginya, fenomena sosial ialah fakta sosial yang mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri sosial. Durkheim telah mendefinisikan fakta sosial sebagai satu cara bertindak sama ada tetap atau tidak, yang mempunyai satu paksaan luar atau satu cara bertindak yang umum dalam sesuatu masyarakat, yang wujud dengan sendirinya, iaitu bebas daripada manifestasi individunya.

Contoh fakta sosial ialah seperti adat, budaya, undang-undang dan etika standard yang diterima oleh sesebuah masyarakat tanpa dipersoalkan oleh setiap anggota mereka, misalnya apabila warna lampu isyarat berwarna merah, maka kenderaan perlulah berhenti, memakai pakaian yang lengkap dan menutupi tubuh anggota sulit, beradab sopan di hadapan orang yang lebih tua daripada kita dan bermacam-macam lagi. Kesemua ini dikatakan faktor sosial kerana terdapatnya kuasa paksaan dan wujud di luar kesedaran individu.

Durkheim telah menekankan kepentingan konsep fakta sosial dan perlu dikaji fakta-fakta sosial itu dalam sosiologi yang merupakan satu sumbangannya yang penting. Durkheim juga memberikan sumbangan penting terhadap kaedah penyelidikan sosiologi menerusi kajiannya yang sistematik tentang bunuh diri. Beliau telah menggunakan dengan meluas statistik untuk membuktikan hipotesisnya.

Akhir sekali, kita lihat pula pandangan tentang agama dan bagaimana agama membantu kita dari segi pembangunan. Menurutnya, agama membantu kita dari segi pembangunan. Menurutnya, agama mencerminkan struktur sesuatu kelompok atau masyarakat. Beliau percaya kesan masyarakat yang sangat kuat terhadap individu akan mempengaruhi manusia. Agama boleh membawa kepada perpaduan masyarakat. Fungsi ini dapat dilihat semasa penganut-penganut sesuatu agama melakukan upacara keagamaan seperti sembahyang. Masyarakat yang bersatu padu di bawah satu agama ini akan mampu membangunkan negara mereka daripada berbagai-bagai aspek.

MAX WEBER (1864-1920)

Max Weber merupakan seorang ahli sejarah sosial yang berbangsa Jerman dilahirkan dalam satu keluarga Protestant. Beliau banyak menulis isu-isu dalam bidang sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh sesebuah masyarakat seperti agama, birokrasi, kelas, status dan kuasa, undang-undang serta kaedah penyelidikan.

Antara karyanya yang terkenal ialah *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*, *The Sociology of Hinduism and Buddhism*, *Theory of Social Sciences and Economic Organization* dan *Methodology of the Social Sciences*. Max Weber banyak menyumbang dalam bidang sosiologi melalui penulisan yang membincangkan tentang konsep kelas sosial, *social action*, birokrasi dan juga *verstehen*.

Kajian beliau banyak menumpukan perhatian terhadap sosiologi sebagai satu disiplin yang menghuraikan kaedah yang khusus yang dianjurkannya yang dinamakan kaedah pemahaman (*verstehen*) dan membincangkan persoalan untuk mengekalkan objektiviti dan keadaan neutral tentang pertimbangan nilai dalam sains sosial. Menurut Weber, sosiologi ialah satu sains yang cuba memahami tindakan sosial dalam usaha untuk mencapai penghuraian tentang sebab dan akibat.

Weber juga telah memperkenalkan konsep birokrasi dan menggariskan ciri-ciri birokrasi yang bersifat unggul atau *ideal type*. Menurut beliau birokrasi mempunyai ciri-ciri berikut;

1. Pembahagian tugas yang telah ditetapkan mengikut peraturan atau undang-undang.

2. Struktur formal yang menunjukkan susunan organisasi mengikut satu hierarki formal. Sistem ini memastikan bahawa setiap pekerja hendaklah bertanggungjawab kepada ketuanya dan juga orang bawahan.

3. Pejabat awam ialah tempat segala catatan tentang hal ehwal pejabat disimpan di dalam fail.

4. Pekerja dipilih berdasarkan syarat-syarat kelulusan akademik dan profesional.

5. Kakitangan bekerja sepenuh masa dan memberikan tumpuan kepada perjalanan organisasi.

6. Peraturan adalah abstrak, agak stabil dan perlu dipatuhi.

7. Taat setia setiap pekerja adalah kepada peraturan dan organisasi dan bukannya kepada mereka yang ada di dalamnya.

Oleh itu, ciri-ciri tersebut ini akan mampu melahirkan pekerja yang produktif serta dapat meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi.

Weber juga memperkatakan tentang konsep kelas sosial dalam melihat perkembangan masyarakat. Weber menegaskan bahawa faktor ekonomi adalah penting dalam menganalisis kelas. Weber berpendapat syarat asas sesuatu kelas terletak pada pengagihan kuasa ekonomi yang tidak seimbang dan seterusnya pembahagian peluang yang tidak sama rata.

Konsep perlakuan sosial banyak diperkatakan oleh Weber dan konsep ini ialah yang paling asas dalam sosiologi. Menurut Weber, perlakuan dikatakan sosial apabila perlakuan itu mempunyai makna subjektif, perlakuan itu mempengaruhi perlakuan pelaku lain dan di sebaliknya. Menurut Weber lagi perlakuan sosial merangkumi tindakan positif dan juga negatif. Sehubungan dengan itu, Weber telah membezakan empat jenis perlakuan.

I) *Zweckrational* ialah perlakuan rasional yang melibatkan pertimbangan secara rasional tentang hubungan antara sesuatu matlamat dengan ikhtiar untuk mencapainya.

II) *Wertrational* ialah perlakuan rasional atau tindakan yang tidak mengira sebarang bahaya untuk mempertahankan kehormatan seseorang atau mencapai sesuatu nilai.

III) Perlakuan tradisi ialah apabila pelaku melakukan sesuatu seperti yang ditentukan oleh tradisi tanpa memikirkan hubungan antara matlamat dengan ikhtiarnya.

IV) Perlakuan emosi atau afektual yang meliputi reaksi yang tidak terkawal akibat daripada sesuatu rangsangan.

Walaupun bagaimanapun, menurut Weber keempat-empat jenis perlakuan ini merupakan jenis unggul yang perlu dianggap sebagai alat penganalisisan dan bukannya apa yang sebenar-benarnya wujud.

Akhir sekali, Weber memberikan pandangan tentang agama dan bagaimana ia dapat disalurkan kepada pembangunan. Pendapat Weber tentang agama adalah dengan berdasarkan nilai etika agama protestan yang memberi penekanan kepada kerajinan dan usaha disiplin diri yang kuat serta kawalan diri yang kuat. Mereka yang mematuhi prinsip-prinsip hidup tersebut akan membawa kemajuan kepada negara. Selain itu, dia juga berpendapat bahawa kuasa-kuasa lain juga sering bertindak bersama-sama agama seperti undang-undang yang rasional, keperluan ketenteraan serta keperluan kepada barang mewah. Di samping agama yang membawa kepada perubahan ekonomi dan sosial, perubahan ekonomi dan sosial juga membawa kepada perubahan kepada kepercayaan agama. Perubahan agama pula turut memberikan perubahan kepada pembangunan dalam bidang sains, undang-undang dan juga pendidikan.

Kesimpulan

Kita telah diperkenalkan dengan beberapa ahli sosiologi terawal dengan melihat pemikiran – pemikiran tentang masyarakat yang seterusnya telah memberikan sumbangan dan perkembangan ilmu sosiologi. Walaubagaimanapun, terdapat ramai lagi ahli sosiologi islam seperti Ibnu Batutah yang juga membincangkan soal hokum sosial dan perkembangan masyarakat pada zaman mereka. Begitu juga dengan tokoh barat seperti Talcott Parson merupakan ahli sosiologi yang turut memperkembangkan pemikiran dan teori tentang masyarakat dan memperkembangkan disiplin sosiologi ini.

Rujukan

R. Yusof. (2020) Asas sains sosial dari perspektif sosiologi. *Perpustakaan Dewan Negara*: Nasional Malaysia Berhad.